**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 1. | ‘We’ll work with Malaysia on waste issue’ | The Star | Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 1 |
| 2. | Statement on plastic waste taken out of context, says Canada | Free Malaysia Today | Klik pada tajuk berita |
| 3. | Canada clarifies stance on plastic waste from M'sia | Malaysiakini | Klik pada tajuk berita |
| 4. | Canada in talks with Malaysia about taking back plastic waste | The Sun Daily | Klik pada tajuk berita |
| 5. | Canada says working with Malaysia over shipment of waste | The Star | Klik pada tajuk berita |
| 6. | Canada in talks with Msia about taking back plastic waste | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 7. | Canada in talks with Malaysia about taking back plastic waste | Malaymail | Klik pada tajuk berita |
| 8. | Asian countries take a stand against the rich world’s plastic waste | Los Angeles Times | Klik pada tajuk berita |
| 9. | Zero Waste: The Global Plastics Crisis | Dissidentvoice.org | Klik pada tajuk berita |
| 10. | Recyclers cringe as Southeast Asia says it’s sick of the West’s trash | News.abs-cbn.com | Klik pada tajuk berita |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11. | 30 kilang kimia dipantau / JAS pantau lebih 30 kilang proses bahan kimia | Berita Harian | Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 2 |
| 12. | Premis di Karak tidak terlibat import sisa sampah plastik luar negara | Astro Awani | Klik pada tajuk berita |
| 13. | Kawasan lapang jadi tapak pembuangan sampah haram / Jalan masuk kampong jadi lokasi pembuangan sampah haram | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 3 |
| 14. | Kerajaan Pulau Pinang sedia kaji semula skala PSR | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 15. | Komuniti orang asli Gua Musang gesa tubuh jawatankuasa khas | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 16. | Gempa bumi sederhana gegar Rantau Timor, Indonesia | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 17. | Canada in talks with Malaysia about taking back plastic waste | Devdiscource | Klik pada tajuk berita |
| 18. | Gobi Partners, MAVCAP and Sunway Group launch $10m Malaysia microfund | Deal Street Asia | Klik pada tajuk berita |

**TEMPATAN**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 19. | Malaysia pelawa pelaburan teknologi tinggi dari UK | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 20. | Cadang tubuh jawatankuasa tetap tangani isu alam sekitar | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 21. | Seminggu banjir sampai tiga kali | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 22. | Rakyat Malaysia tak sedia berdepan bencana | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 23. | 17 rumah rosak akibat ribut | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 24. | Temerloh dilanda ribut | Harian Metro | Klik pada tajuk berita |
| 25. | Ribut landa Temerloh | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 26. | 15 buah rumah terjejas ribut | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 27. | Sarawak Energy eyes additional electricity sales to West Kalimantan | The Edge Markets | Klik pada tajuk berita |
| 28. | Sarawak eyes power supply to Indonesia | Free Malaysia Today | Klik pada tajuk berita |
| 29. | Sarawak targets full power coverage by 2025, says CM | The Star | Klik pada tajuk berita |
| 30. | Sarawak eyeing selling more electricity to West Kalimantan | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 31. | Develop products for overseas market, Abang Johari tells SEB | The Borneo Post | Klik pada tajuk berita |
| 32. | CM: Sarawak will benefit if Indonesia moves capital to Kalimantan | Malay mail | Klik pada tajuk berita |
| 33. | Opportunity for further growth | The Borneo Post | Klik pada tajuk berita |
| 34. | Sarawak tinjau potensi jualan tenaga ke Kalimantan Barat | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 35. | **Malaysia-Kanada bekerjasama rapat** | Harian Metro | Rujuk lampiran 4 |
| 36. | **Sokong usaha Selangor kurangkan guna straw plastik** | Harian Metro | Rujuk lampiran 5 |
| 37. | **'We need Investment in High Tech'** | New Straits Times | Rujuk lampiran 6 |
| 38. | **Eateries game to drop plastic straws** | New Straits Times | Rujuk lampiran 7 |

**ANTARABANGSA**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 39. | **Where does your plastic go? Global investigation reveals America's dirty secret** | The Guardian | Klik pada tajuk berita |
| 40. | **Gempa bumi landa Sichuan, enam maut** | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 41. | **Sekurang-kurangnya enam maut susulan gempa kuat di barat daya China** | Astro Awani | Klik pada tajuk berita |
| 42. | **Letupan dekat sempadan China-Korea Utara cetus gempa bumi** | Kosmo! | Klik pada tajuk berita |

**LAMPIRAN 1**
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT 11**
**TARIKH: 18 JUN 2019 (SELASA)**

# 'We'll work with M'sia on waste issue'

**PETALING JAYA:** News reports of Canada not taking back plastic waste dumped in Malaysia were taken out of context, says the Canadian High Commission.

"Environment and Climate Change Canada (ECCC) was responding to a question from the media as to whether a ship currently coming from the Philippines would pick up waste in Malaysia while on its way to Canada.

"ECCC's answer was that there were no plans for that ship to stop in Malaysia.

"Taken out of this context, the statement made in the article in question was not factual," the High Commission said yesterday.

The government of Canada, it added, is working with Malaysian authorities to address issues related to the shipment of waste from the country to Malaysia.

A spokesman for Canada's environment ministry, Gabrielle Lamontagne, was last week quoted as saying that "there are no plans for the Canadian government to pick up waste in Malaysia".

She added that Canada had not received any information about the shipment of waste from Canada to Malaysia, and said the ministry had reached out to the Malaysian government for details.

In May, the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry said the government would immediately send 450 metric tonnes of contaminated plastic waste in 10 containers back to their countries of origin, including Canada.

The waste smuggled in was falsely declared as recyclables.

Late last month, AFP reported that tonnes of garbage sent to the Philippines years ago were shipped back to Canada after a festering diplomatic row.



**Not needed here:** Containers filled with plastic waste being displayed at Port Klang, Selangor. Canada is one of the countries that shipped its waste to Malaysia. — Bloomberg

**LAMPIRAN 2**
**BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 6**
**TARIKH: 18 JUN 2019 (SELASA)**

# JAS pantau lebih 30 kilang proses bahan kimia

[FOTO ZAIN AHMED/BH]



*Keadaan Sungai Kim Kim selepas kerja pembersihan dilakukan.*

**Pasir Gudang:** Lebih 30 kilang memproses bahan kimia dan puluhan kilang berkaitan industri berat, termasuk logam yang berada berhampiran jajaran Sungai Kim Kim di sini, dipantau Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi mengelakkan pencemaran.

Sumber memberitahu pemantauan berterusan itu dibuat bagi memastikan pemilik kilang sentiasa mematuhi syarat berhubung kaedah pelupusan sisa kimia, sekali gus mengelak tragedi pencemaran kimia di sungai berkenaan berulang.

"JAS mempunyai maklumat lengkap mengenai semua kilang yang termasuk dalam keseluruhan 247 kilang yang berada berhampiran jajaran Sungai Kim Kim. Jabatan itu juga mempunyai rekod mengenai bahan kimia yang dikendalikan atau dihasilkan oleh kilang berkenaan.

"Selain mengemas kini pangkalan data melalui pemantauan dan pemeriksaan berkala, JAS turut membuat pemeriksaan mengejut untuk memastikan pematuhan undang-undang alam sekitar dan pelupusan sisa berjadual," kata sumber itu.

*BH* sebelum ini melaporkan ada 274 kilang di sepanjang Sungai Kim Kim yang direkodkan dalam bancian dilakukan JAS sebelum ini, sekali gus menjadi antara faktor pencemaran di sungai itu sukar dikawal.

Tinjauan *BH* minggu lalu mendapati, selepas tiga bulan disahkan selamat dan bebas daripada pencemaran sisa kimia berbahaya, sungai itu kini berhadapan pencemaran sampah-sarap selain menjadi cetek.

## Pantau semua operasi kilang

Sementara itu, Ketua Kampung Pasir Putih, Suhaimi Ahmad Shah, berkata penduduk berharap pihak berkuasa, termasuk JAS memantau operasi semua kilang di kawasan perindustrian berkenaan.

Katanya, tragedi pencemaran sisa kimia di kawasan itu yang menjejaskan kira-kira 6,000 orang pada awal Mac lalu, benar-benar menakutkan penduduk.

"Kami berharap pihak berkuasa berkongsi maklumat terutama mengenai status sungai itu dengan penduduk secara terbuka kerana kami sendiri tidak tahu apa status sebenar sungai itu.

"Selepas operasi pembersihan sungai berkenaan selesai beberapa bulan lalu, penduduk tidak diberi apa-apa penerangan daripada pihak berkuasa," katanya.

## Pematuhan kendiri

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Johor, Tan Chen Choon, mengakui JAS meningkatkan penguatkuasaan terhadap semua kilang di kawasan berkenaan.

"Ada beberapa kaedah dilakukan termasuk pematuhan kendiri oleh kilang, selain pemberitahuan dan pelaporan alam sekitar secara atas talian (OER) dan pemeriksaan secara berkala serta berdasarkan aduan diterima oleh JAS.

"Bagi kilang yang menjana sisa toksik buangan berjadual, mereka dipantau melalui Sistem Maklumat Buangan Berjadual Elektronik (eSWIS) yang mampu mengesan pergerakan bahan buangan berjadual daripada kilang pengeluar kepada kemudahan pelupusan yang dilesenkan oleh JAS.

"JAS juga menjalankan pemantauan kualiti air Sungai Kim-Kim melalui dua stesen pemantauan yang ada di sungai berkenaan untuk memastikan tahap kualiti airnya," katanya.

# LAMPIRAN 3
# SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 20
# TARIKH: 18 JUN 2019 (SELASA)

## Jalan masuk kampung jadi lokasi pembuangan sampah haram

**KUALA LUMPUR** - Penduduk mendakwa aktiviti pembakaran sampah terbuka di tapak sampah haram sepanjang 300 meter di jalan masuk ke Kampung Kuantan, Jalan Gombak di sini telah menyebabkan kehadiran jentera bomba lebih sepuluh kali sejak dua tahun lalu.

Seorang penduduk, **Tan Kooi Hong**, 71 berkata, orang luar mengambil kesempatan menjadikan kawasan itu sebagai tapak sampah haram kira-kira dua tahun selepas struktur bangunan tersebut dirobohkan.

"Lori bawa muatan sisa binaan, perabot, plastik dan berbagai-bagai sampah pada waktu tengah malam untuk mengelak aktiviti mereka dikesan. Ada di antaranya membakar sampah itu apabila sudah penuh.

"Sudah banyak kali kami tegur jika terserempak dengan pelaku, mereka akan lari tapi beberapa hari kemudian datang semula untuk membuang sampah," katanya semalam.

Seorang lagi penduduk, **Chan Lai Sim**, 60 berkata, dia yang tinggal di sana sejak 40 tahun lalu mengambil keputusan untuk berpindah sejak sebulan lalu selepas bimbang dengan keselamatan dan kesihatan keluarganya.

"Saya bimbang kejadian bakar longgokan sampah itu boleh menyebabkan api merebak ke kawasan rumah penduduk yang jaraknya kurang 50 meter," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Parlimen Wangsa Maju, **Andre Lai** berharap masalah dihadapi penduduk dapat diselesaikan dalam kadar segera.

"Saya telah panjangkan isu ini sejak Mei lalu kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) namun sehingga kini tidak selesai dan masih menerima aduan daripada penduduk.

"Aduan saya buat melalui DBKL cawangan Wangsa Maju yang memanjangkan isu berkenaan ke Jabatan Kesihatan DBKL selain mengesyorkan aduan sama dibuat ke Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya.

Ketua Pengarah JAS Kuala Lumpur, **Nor Aziah Jaafar** ketika dihubungi memaklumkan tiada laporan berhubung kes tersebut diterima setakat ini.

"Orang ramai diminta melaporkan segera ke JAS di talian bebas tol 1-800-88-2727 sekiranya mempunyai sebarang maklumat kejadian itu," katanya.



Andre (kiri) bersama penduduk meninjau lokasi sampah haram di jalan masuk kampung Kuantan di Jalan Gombak semalam.

# LAMPIRAN 4
## HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15
## TARIKH: 18 JUN 2019 (SELASA)

Suraya Roslan
surayaroslan@hmetro.com.my

# Malaysia-Kanada bekerjasama rapat

■ *Tangani isu hantar balik sisa plastik dibawa ke sini*

**Kuala Lumpur**

Kerajaan Kanada akan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa Malaysia untuk menangani sebarang isu berkaitan dengan penghantaran sisa plastik dari Kanada ke Malaysia.

Suruhanjaya Tinggi Kanada dalam kenyataan di Facebook rasminya berkata, laporan media sebelum ini yang menyatakan negara itu tidak mempunyai perancangan untuk mengambil semula sisa plastiknya di Malaysia adalah tidak tepat.

"Kementerian Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (ECCC) menjawab soalan daripada media mengenai sama ada kapal dari Filipina akan mengambil sisa plastik di Malaysia ketika dalam perjalanan ke Kanada.

"Jawapan ECCC ialah mereka tidak ada rancangan untuk kapal itu berhenti di Malaysia.

"Jadi, kenyataan yang dibuat dalam artikel dimaksudkan tidak tepat dan di luar konteks," katanya.

Kenyataan itu berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan pihak berkuasa Malaysia dalam menangani sebarang isu penghantaran sisa plastik dari Kanada ke Malaysia.

Sebelum ini, media melaporkan, Kanada tidak bercadang menerima semula sisa plastik yang datang dari negara itu dan kini ditinggalkan di Malaysia.

Laporan itu memetik jurucakap Kementerian Alam Sekitar Kanada yang memaklumkan kerajaan di Ottawa tidak bercadang mengutip balik sisa buangan di Malaysia.

Kanada tidak menerima sebarang maklumat mengenai penghantaran sisa buangan dari negara itu ke Malaysia dan berkata, kementerian sudah menghubungi Malaysia untuk mendapatkan butiran lanjut.

Sisa buangan luar menjadi punca ketegangan diplomatik sejak beberapa bulan lalu di Asia Tenggara.

Filipina memanggil balik diplomatnya di Kanada, Mei lalu, berhubung dakwaan pembuangan sisa dari Kanada yang tidak dikembalikan ke negara itu menjelang tarikh akhir.

Bagaimanapun, kerajaan Kanada mencapai persetujuan bulan lalu dengan Manila untuk mengambil semula bahan buangan yang dijangka tiba di negara itu lewat bulan ini.

Pada Mei lalu, kerajaan Malaysia menegaskan akan menghantar balik 3,000 tan sisa plastik ke 14 negara asal termasuk Kanada, Amerika Syarikat, Jepun, Perancis, Australia dan Britain.

**LAMPIRAN 5**
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15**
**TARIKH: 18 JUN 2019 (SELASA)**



**BEBERAPA** premis memberikan penyedut minuman atas permintaan pelanggan.

# Sokong usaha Selangor kurangkan guna straw plastik

**Shah Alam:** Langkah kerajaan Selangor tidak membenarkan pemberian penyedut minuman plastik secara terbuka mulai bulan depan menerima maklum balas positif khususnya daripada pengusaha restoran dan premis makanan.

Pemilik restoran Nasi Kak Wok TTDI Jaya, Rosliza Junoh berkata, dia mengalu-alukan usaha kerajaan bagi mengurangkan penggunaan plastik dalam kalangan pengguna di negara ini.

"Saya akan patuh terhadap arahan itu, premis makanan tiada masalah untuk mengikutinya namun apa pun ia terpulang kepada pelanggan yang mahu menggunakan 'straw' pada minuman mereka.

"Minuman panas tidak memerlukan straw, tetapi bagi minuman sejuk pastikan akan sukar kepada mereka yang tidak biasa.

"Saya berharap langkah ini akan berjaya dan pelanggan diharap dapat membiasakan diri tidak menggunakan straw untuk meminum minuman," katanya ketika ditemui Harian Metro, di sini, semalam.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian dalam satu kenyataan sebelum ini berkata, semua premis makanan di negeri ini dilarang menyediakan penyedut minuman plastik kepada pelanggan berkuat kuasa 1 Julai ini.

Loy Sian berkata, premis juga dilarang menyediakan penyedut plastik di kaunter untuk diambil secara bebas dan pelanggan hanya boleh memintanya sekiranya memerlukan.



PENYEDUT minuman kertas kini banyak digunakan di restoran dan kedai makan di sekitar Shah Alam.

Sementara itu, Pengurus Besar Restoran Rail Canteen, Colin Yap berkata, pelanggannya diharap memahami maksud di sebalik langkah kerajaan meminimumkan penggunaan penyedut minuman plastik di semua premis makanan.

"Mereka boleh bermula dengan membawa penyedut minuman sendiri dari rumah jika hendak minum di restoran.

"Tapi saya lihat, tidak banyak bantahan atau reaksi negatif daripada pelanggan apabila langkah kerajaan itu diumumkan dalam berita baru-baru ini," katanya.

Dalam pada itu, Pemilik Restoran Madam Salma, Rose Karmila Che Mohd Rose berkata, langkah itu seharusnya diterima dengan hati terbuka jika semua rakyat sayangkan alam sekitar di negara ini.

Katanya, pelanggan seharusnya mengubah tabiat mereka untuk minum tanpa menggunakan penyedut minuman plastik.

"Umum tahu lambakan plastik sehingga menjejaskan alam sekitar serta hidupan di muka bumi ini," katanya.

**LAMPIRAN 6**
**NEW STRAITS TIMES (NATION/ NEWS): MUKA SURAT 5**
**TARIKH: 18 JUN 2019 (SELASA)**

PM IN THE UK

# 'WE NEED INVESTMENTS IN HIGH TECH'

## British investors will find Malaysia a comfortable investment destination, says PM

ZAHARAH OTHMAN
**LONDON**
news@nst.com.my



*Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad delivering a speech at the Cambridge Union near London on Sunday.* BERNAMA PIC

MALAYSIA is seeking investments in high technology in line with the country's goal to provide high income for its people, said Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad.

The investments, he said, were necessary to boost the country's growth. Malaysia, he said, was a business-friendly nation and ready to fine-tune its policies to accommodate investors.

He expressed confidence that British investors would find Malaysia a comfortable investment destination.

"We are business-friendly. This is the same attitude that we adopted before. We are devising the policies to be friendly to business because we know business creates wealth and jobs for our people."

Dr Mahathir said Malaysians were better trained and many were university graduates.

"We cannot expect them to do manual work assembling things like we used to. We need them to be engineers who work with new equipment and machinery, and who would be familiar with the need to maintain and repair machines.

"We welcome high-tech industries into Malaysia with the accompanying high income for our people. That is our need.

"We are receiving foreign direct investment and we have acquired foreign technologies.

"We are into information technology and want to exploit new businesses and methods to develop our country.

"When we were small, we were growing at a rate of 11 or 12 per cent. But now with a bigger economy, growth of the same volume will be reflected by a smaller percentage.

"We are still growing at a rate of more than four per cent and we hope we can do better this year with 4.4 or 4.6 per cent."

He was speaking during a roundtable meeting with the British business community organised by the Malaysian Investment Development Authority (Mida) and Malaysia External Trade Development Corporation.

Present were representatives from 50 organisations, including corporations like Jardine Matheson, HSBC Holdings Plc, Thales, Prudential, BAE Systems, Shell and Standard Chartered.

Also present were Foreign Minister Datuk Saifuddin Abdullah, Youth and Sports Minister Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Mida chief executive officer Datuk Azman Mahmud and Malaysian High Commissioner to the United Kingdom and Northern Ireland, Datuk Mohamad Sadik Kethergany.

Also in attendance were the British High Commissioner to Malaysia, Charles Hay, and the British prime minister's trade envoy to Indonesia, Malaysia and the Philippines, Richard Graham.

On Sunday, Dr Mahathir delivered a talk titled "Democracy in Malaysia and Southeast Asia" at the Cambridge Union forum at Cambridge University.

While the subject matter covered was not much different from the talk he delivered at the Oxford Union in January, Dr Mahathir kept the floor engaged with his wit and humour, Bernama reported.

His speech at the Cambridge Union Society hall took the audience from the British rule narrative to the present-day woes faced by the country and the world.

He highlighted how Malaysia shifted its focus from the West to the East, and the fear of marginalisation of smaller countries by bigger nations.

Present were Dr Mahathir's wife Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Cambridge undergraduates, Malaysian undergraduates and Malaysians in the United Kingdom.

**LAMPIRAN 7**
**NEW STRAITS TIMES (NATION/NEWS): MUKA SURAT 15**
**TARIKH: 18 JUN 2019 (SELASA)**

GREEN SELANGOR INITIATIVE

# EATERIES GAME TO DROP PLASTIC STRAWS

Vendors laud change, however, they say success of campaign hinges on consumers



*Restaurant operators hope customers will help them adhere to the Selangor government's directive.*

DAWN CHAN
**SHAH ALAM**
news@nst.com.my

SELANGOR'S move to implement the no plastic straw policy from July 1 onwards was lauded by many, however the onus is on consumers to ensure its success.

Kedai Nasi Kak Wok JJ TTDI owner Rosliza Junoh in welcoming the move, said she would do what she could to cut down the use of plastic straws.

"I will definitely adhere to the state government's directive. We will try our best to minimise the use of plastic straws. But at the end of the day, it boils down to what the customers want too.

"Sipping a hot drink may not require a plastic straw but for iced drinks, juices or floats, some may not be comfortable sipping it without a straw.

"Parents may also have a hassle trying to get children to drink without a straw as it could get very messy. So requests from customers for straws would determine if the initiative is a success or not."

Rail Canteen general manager Colin Yap hoped his customers would be understanding about the initiative once it took effect on July 1.

He described it as a step in the right direction to reduce plastic waste.

"Customers are free to bring their own straws, however, I doubt the majority will practise BYO (Bring Your Own). Once the ban is officially announced, I do not foresee much resistance from customers," he said.

Yap added that his eatery could do without straws for most drinks, but not for beverages such as Coke Float or "Kopi Cendol".

"Those drinks require the use of straws. There are alternatives currently in the market such as paper straws but they still come at a high cost compared with plastic ones. We cannot change the presentation of the drinks. My hope is that a more economical alternative can be made available to us soon.

"A suitable and cost effective alternative is needed as a long term solution to ensure that our operational cost does not increase too much," he said.

Madam Salma Restaurant chef and operations owner Rose Karmila Che Mohd Ross said she would take proactive steps to begin creating awareness but added that customers must make the effort to adapt.

She said customers should be willing to change their habits by refusing the use of plastic straws.

"It is definitely for a greater good, as plastic straws are single use. It is hard to destroy and harms the environment.

"We will try to educate our customers and we will not freely offer plastic straws with our drinks."

She added that they were open to the idea of paper straws but such straws cost more, while providing metal straws may seem like a better option but people may question the hygienic aspect of it.



*A waiter holds up drinks, which require the use of straws. Vendors hope the government will help them find a more economical alternative soon.*